

'Kerajaan kukuh faktor utama pikat pelabur'

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan yang berada dalam keadaan kukuh sejak setahun lalu adalah faktor utama menarik minat pelabur untuk datang ke Malaysia.

Perdana Menteri berkata, komitmen terhadap pembaharuan institusi membolehkan kerajaan yang stabil dengan majoriti lebih dua pertiga berjaya dibentuk.

"Sejak beberapa bulan lalu, kami sudah memperkenalkan pelbagai dasar baharu yang jelas, selain agenda ekonomi dalam pelan perindustrian dan peralihan tenaga.

"Saya berasakan disebabkan itulah kami berjaya memperoleh pelaburan domestik dan asing tertinggi pernah direkodkan, yang mengesahkan tahap keyakinan dan kepimpinan baharu," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Meja Bulat bersama Pemimpin Industri di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Perdana Menteri sebelum itu mengadakan pertemuan empat mata bersama Perdana Menteri

Thailand, Srettha Thavisin.

Kedua-dua pemimpin bertukar pandangan mengenai kemajuan inisiatif dipersetujui bersama yang secara langsung akan menambah nilai kepada usaha memapatkan hubungan dua hala.

Berucap selanjutnya, Anwar berkata, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) diberikan mandat untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing.

"Sudah pasti kami bernasib baik, (berada) dalam rantau ekonomi paling pantas berkembang di dunia (ASEAN) di mana kami akan menjadi pengerusi tahun depan.

"Namun, ada dimensi baharu... antaranya (Kerangka Kerjasama) ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) di mana mesyuarat awal diadakan tahun lalu bersama UAE (Emiriah Arab Bersatu), Arab Saudi, Qatar dan lain-lain sudah memutuskan untuk bersama pada tahun depan.

"Justeru, saya berasakan kami sedang bergerak ke hadapan dan mendapatkan rakan baharu... kami mengalu-alukan komitmen anda hari ini dan masa hadapan untuk meningkatkan lagi pelaburan ke Malaysia," katanya.

Mesyuarat Meja Bulat itu disertai oleh 18 syarikat iaitu tujuh syarikat pembuatan, tiga syarikat perkhidmatan, tujuh pengimport dan satu persatuan.

Malaysia mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM329.5 bilion pada 2023, iaitu 23 peratus lebih tinggi berbanding tahun 2022 dan jumlah itu tertinggi dalam sejarah negara.

Prestasi cemerlang ini disokong oleh peningkatan sebanyak 35.1 peratus bagi pelaburan domestik dan 15.3 peratus bagi pe-

laburan asing.

Rakan dagang kedua terbesar Hubungan perdagangan dan ekonomi Australia bersama Malaysia menjadi matang dan komprehensif.

Pada 2022-2023, Malaysia adalah rakan perdagangan kedua terbesar Australia dalam kalangan negara anggota ASEAN dan rakan perdagangan kelapan terbesar secara keseluruhan.

Australia pula adalah rakan perdagangan ke-10 terbesar Malaysia. Pada 2023, perdagangan

dua hala Malaysia dan Australia mencecah AS\$18.57 bilion (RM84.64 bilion).

Setakat Disember 2023, pelaburan diluluskan Australia di Malaysia membabitkan 582 projek, dengan pelaburan direalisasikan membabitkan 366 projek.

Sementara itu, Anwar juga semalam bertemu pemimpin perniagaan dan eksekutif tertinggi daripada 18 syarikat Australia di Melbourne bagi menggalakkan mereka untuk mengembangkan perniagaan dan pelaburan di Malaysia.

Selain sesi perbincangan meja bulat, Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengadakan pertemuan satu dengan satu untuk mendengar pandangan mereka.

Eksekutif syarikat yang terabit daripada sektor pembuatan, termasuk peranti perubatan dan logam, serta sektor perkhidmatan seperti pusat data, kewangan dan perdagangan.

Anwar menegaskan Malaysia, di bawah kepimpinannya, melaksanakan dasar yang jelas dan berkesan yang menyumbang kepada tahap pelaburan yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Shehbaz pelawa PM lawat Pakistan

New Delhi: Perdana Menteri baru Pakistan, Shehbaz Sharif menjemput Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melawat negaranya ketika kedua-dua pemimpin membincangkan hubungan bilateral yang lebih teguh melalui panggilan telefon.

Anwar menelefon Shehbaz pada Isnin untuk mengucapkan tahniah kepadanya kerana dilantik Perdana Menteri ke-24 Pakistan.

"Perdana Menteri mengundang Perdana Menteri Anwar Ibrahim untuk melawat Pakistan. Sambil menerima undangan itu, Perdana Menteri Malaysia juga menjemput PM Shehbaz Sharif untuk melawat negaranya," lapor agensi berita negara itu Associated Press of Pakistan (APP).

BERNAMA